



27 APR, 2020

## Jualan hasil pertanian dalam talian melonjak

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Jualan hasil pertanian dalam talian melonjak

**Jasin:** Jualan produk berasaskan pertanian secara dalam talian merekodkan peningkatan hasil melebihi RM3 juta dalam tempoh lima minggu sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pencapaian itu termasuk menggunakan platform pemasaran digital AgroBazaar Online dan NekmatBiz di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Katanya, usaha itu bertepatan dilaksanakan dalam tempoh penguatkuasaan PKP bagi memudahkan pengguna mendapatkan bekalan makanan mentah yang segar, berkualiti dan harga berpatutan.

“Antara yang menyumbang kepada peningkatan itu apabila kita turut mengadakan kerjasama dengan beberapa syarikat seperti syarikat penerbangan AirAsia, selain menerusi RedBox, Lazada, Food Panda, Bungkus Kit dan Kahoo.

“Kita juga dalam proses menjalinkan kerjasama dengan Go Go Pasar bagi kawasan

Lembah Klang untuk memperluaskan lagi kemudahan tempahan dalam talian yang semakin diterima ramai,” katanya selepas menyampaikan sumbangan beras dan kurma kepada imam masjid serta surau Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rambai, di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Jasin turut menyampaikan sumbangan kepada beberapa pertubuhan amal di daerah berkenaan termasuk Rumah Pengasih Jasin.

Ahmad berkata, premis Pasar Segar Terkawal (PST) yang diwujudkan ketika PKP mencatatkan hasil jualan memberangsangkan iaitu lebih RM 65 juta.

Katanya, kewujudan 140 premis PTS termasuk 33 di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mendapat sambutan baik sama ada menerusi tempahan secara atas talian atau melalui kaunter pandu laju.

“Hasil jualan yang kita peroleh itu juga termasuk melalui tempahan dalam talian dan kita lihat cara ini cukup berkesan,” katanya.



27 APR, 2020

## Jualan hasil pertanian dalam talian melonjak

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Jasin: Jualan produk berasaskan pertanian secara dalam talian merekodkan peningkatan hasil melebihi RM3 juta dalam tempoh lima minggu sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pencapaian itu termasuk menggunakan platform pemasaran digital AgroBazaar Online dan NekmatBiz di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Katanya, usaha itu bertepatan dilaksanakan dalam tempoh penguatkuasaan PKP bagi memudahkan pengguna mendapatkan bekalan makanan mentah yang segar, berkualiti dan harga berpatutan.